

Virus berevolusi untuk terus hidup

Kuala Lumpur: Mutasi terhadap wabak COVID-19 ketika ini yang dikatakan menjadi punca ia semakin mudah merebak dalam kalangan masyarakat adalah sebahagian daripada proses evolusi virus.

Meskipun perkembangan sedemikian mengundang kegusaran, pakar epidemiologi dan virologi berpendapat, mutasi pada virus yang mula dikesan pada penghujung tahun lalu, di Wuhan itu tidak semestinya semakin 'kuat' sehingga meningkatkan risiko kematian.

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, menjelaskan virus mengalami mutasi demi memenuhi matlamat utamanya, iaitu untuk kekal hidup di dalam badan perumah dan menjangkiti seberapa ramai individu lain.

"Kalau perumah mati, virus juga akan mati, jadi untuk mengelak daripada nasib sebegini berlaku, ia akan menjalani mutasi, iaitu siri perubahan terhadap beberapa perkara.

"Berdasarkan perangkaan semasa, berkemungkinan mutasi



Dr Sazaly Abu Bakar

pada COVID-19 yang dikenali sebagai D614G ini agresif dalam membiak dan menular dalam kalangan masyarakat, tetapi tidak semestinya ia lebih membawa maut.

"Kita ambil contoh herpes (penyakit kelamin) yang mudah merebak, tetapi tidak menunjukkan sebarang gejala, begitu juga dengan chicken pox (campak) apabila ia senang menjangkiti individu lain.

"Virus seperti ini mengalami pelbagai mutasi, demi memastikan ia dapat terus hidup, tanpa membunuh perumah," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Menyentuh impak terhadap penghasilan vaksin, Sazaly menjangkakan ia tidak lagi menjadi keperluan ketika ini, memandangkan mutasi terbaru pada COVID-19 menyebabkan lebih ramai dijangkiti, tetapi tidak membunuh.

Menerusi rawatan dan ubat tertentu, katanya, individu yang dijangkiti berupaya menghasilkan antibodi tersendiri untuk rintang kepada mutasi D614G, sekali gus menyaksikan pandemik COVID-19 berupaya ditangani menerusi imuniti kelompok.

"Jika kita teliti perkembangan kluster Sivagangga di Kedah, negeri itu dulunya adalah kawasan hijau, justeru memang dijangkakan apabila penularan baharu lazimnya mengundang peningkatan kes yang mendadak.

"Dalam teori epidemiologi, masyarakat yang berada di dalam kawasan atau zon hijau akan *complacent* (selesa), maka aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP) tidak diambil berat sangat.

"Maka, lebih mudah penularan jangkitan berlaku memandangkan

COVID-19 merebak menerusi titisan air, khususnya apabila dalam persekitaran sempit dan tertutup," katanya.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, pula berkata, kajian di United Kingdom menunjukkan mutasi D614G mudah merebak, namun tidak menyebabkan komplikasi kesihatan serius seperti ia mula muncul di sebuah pasar makanan laut di China.

Bagaimanapun, katanya, langkah pencegahan, khususnya membabitkan golongan berisiko seperti individu yang disahkan menghidap penyakit kronik dan warga emas wajar ditingkatkan.

"Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) Secara Pentadbiran adalah jalan terbaik, namun ia berupaya mengundang kesan kepada sesi persekolahan, urusan perniagaan dan ekonomi.

"Oleh itu, mungkin kerajaan ingin beri pengkhususan kepada langkah kawalan ini supaya ia lebih menitikberatkan langkah pencegahan membabitkan golongan berisiko," katanya.